

# Kurangkan hutang, kawal kewangan ketika inflasi

**Kuala Lumpur:** Kenaikan kos sara hidup nampaknya semakin tidak dapat dielakkan dan ia pastinya membebaskan kewangan pengguna di negara ini, terutamanya apabila ia dipengaruhi kenaikan harga barangan keperluan seperti minyak masak botol, ayam mentah dan telur ayam yang menjadi bahan makanan utama rakyat negara ini.

Bagaimanapun, kenaikan harga barangan ini sebenarnya tidak berlaku hanya di negara ini tetapi juga di seluruh dunia. Ini berlaku akibat beberapa faktor seperti permintaan meningkat selepas ekonomi dilonggarkan apabila pandemik COVID-19 semakin terkawal, perang Russia dan Ukraine dan harga bahan api yang meningkat.

Dalam tempoh 12 bulan sehingga Jun, Indeks Harga Pengguna (IHP) Amerika Syarikat (AS) dilaporkan melonjak 9.1 peratus disebabkan kos bahan api dan makanan yang kekal tinggi di negara itu.

Kenaikan inflasi itu adalah kenaikan tahunan tertinggi dalam tempoh 40 tahun di negara kuasa besar itu sejak November 1981, selepas mencatat kenaikan sebanyak 8.6 peratus pada Mei 2022.

Sejajar peningkatan inflasi itu, Rizab Persekutuan (Fed) dikatakan mempunyai alasan kukuh untuk meningkatkan lagi kadar faedah di negara itu sebanyak 75 mata asas.

Kadar inflasi di Malaysia dijangka kekal tinggi untuk tempoh beberapa bulan akan datang, berikutan beberapa faktor yang mendorong kenaikan aliran meningkat berterusan dalam kos input dan gangguan rantaian bekalan global yang berpanjangan.

Sama seperti di AS, Bank Negara Ma-

aysia juga dijangka meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang memainkan peranan penting dalam penentuan kadar faedah pinjaman yang dikenakan kepada pengguna.

## Kos sara hidup meningkat

TA Securities dalam laporannya dipetik berkata, harga makanan yang melambung tinggi dan kos pengangkutan mahal dijangka terus mendominasi inflasi Malaysia dalam beberapa bulan akan datang.

Secara umumnya, inflasi adalah kenaikan harga yang berlaku bagi barangan dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa tertentu yang mana ia diukur berdasarkan pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang menilai perubahan harga barangan tertentu.

Oleh kerana inflasi dijangka kekal menjadi cabaran kepada rakyat negara ini, mengharapkan harga turun atau peningkatan dalam gaji dalam masa terdekat ini mungkin satu perkara yang agak mustahil.

Justeru, pengguna dinasihatkan untuk berbelanja secara berhemah dan mengambil pendekatan melihat masa depan, bukannya perbelanjaan hari ini semata-mata.

## Berbelanja secara berhemah

Memahami realiti bahawa nilai wang hari ini semakin mengecil berbanding, empat hingga lima tahun lalu, pengguna sewajarnya menjadi pembuka mata dan mula mengambil langkah proaktif untuk menyusun semula kewangan serta mengambil pendekatan untuk berbelanja secara berhemah.

Apabila berbelanja, berikan tumpuan kepada keperluan dan kurangkan perbelanjaan untuk kehendak.

Oleh kerana kos pinjaman dijangka meningkat berikutan peningkatan OPR, pengguna dinasihatkan supaya tidak membuat hutang baharu, sebaliknya memberi tumpuan untuk melangsaikan hutang sedia ada, terutamanya yang mempunyai kadar faedah tinggi seperti kad kredit dan pinjaman peribadi.

Hutang dengan kadar faedah tinggi tidak membantu pengguna mengatasi inflasi, sebaliknya boleh menyebabkan mereka terus menerus berdepan

masalah kewangan yang membebaskan.

Justeru, adalah lebih baik mengurangkan penggunaan kad kredit untuk perbelanjaan runcit, sebaliknya gunakan tunai supaya keluar masuk aliran tunai dapat dikawal dan tiada perbelanjaan melebihi kemampuan.

Semangannya waktu ini adalah waktu sukar, justeru tumpuan utama mestilah kepada kelangsungan hidup diri dan keluarga untuk kehidupan sejahtera dan kewangan yang merdeka.



**Perancangan kewangan** yang betul akan membantu kita berbelanja secara berhemah.

# KUIZ PELABURAN PNB

#Olympiad30  
#CapaiKemerdekaanKewangan

H	R	X	Z	F	B	C	K	R	H	E	B	P
L	I	W	B	R	C	M	A	B	W	P	E	U
I	S	T	U	I	H	I	E	T	C	N	G	U
N	A	S	V	S	G	J	N	I	G	L	Y	K
F	L	R	Q	I	C	K	H	K	U	C	S	A
G	F	I	P	K	F	L	O	O	U	I	P	E
H	N	S	O	O	P	M	G	I	C	M	N	N
I	I	R	N	Q	P	H	Y	X	N	E	Q	H
J	Z	T	M	A	B	H	S	O	D	P	A	L
K	Z	A	U	L	Z	V	P	I	R	S	T	I
L	Y	N	H	G	S	A	V	A	J	P	F	N
M	A	I	G	Y	B	I	B	H	S	A	E	A
N	A	I	F	S	D	A	C	S	B	K	S	H
A	S	B	K	S	E	M	B	A	J	E	T	S
A	C	D	K	I	W	X	E	V	S	Z	R	Y

## KAEDAH PENYERTAAN

Peserta perlu menjawab soalan dalam 2 bahagian:

### BAHAGIAN 1

Cari 5 perkataan tersembunyi.

Klu: Semua perkataan mempunyai kaitan dengan perancangan kewangan dan pelaburan dan dinyatakan dalam artikel yang dilampirkan.

### BAHAGIAN 2 - Olympiad30

Jawab semua 30 soalan yang diberikan.

Panduan jawapan boleh dicari dalam artikel yang diterbitkan bersama promosi Kuiz Pelaburan PNB ini, Facebook & YouTube Sembang-sembang ASN dan laman web rasmi ASN di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

Pautan borang penyertaan boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau imbas QR code berikut:



[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

2022  
Kategori Umum

PERTAMA 3X  
RM2,000

KEDUA 5X RM1,000  
KETIGA 7X RM500  
KEEMPAT 10X RM300  
KELIMA 25X RM200

Saguhati: 75x RM100

## TERMA & SYARAT UMUM PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia **18 tahun ke atas**.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my). Peserta perlu **menjawab secara dalam talian (on-line)**.
- Peserta perlu menjawab soalan yang disediakan di: **Bahagian 1:** Cari lima perkataan tersembunyi dan **Bahagian 2:** 30 soalan
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lengkap Kuiz Pelaburan PNB boleh dilayari di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)